

**PERMASALAHAN PENGUASAAN PELAJARAN JAWI DALAM  
KALANGAN MURID TAHUN TIGA.**

Fatimah binti Rajak

No. Matrik 1122530

Laporan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperoleh

**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN**

**(PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH) DENGAN KEPUJIAN**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Nilai

JULAI 2016

## PENGAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Adalah dengan ini saya mengaku bahawa semua hasil dan tugas dalam kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri melainkan petikan dan ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.

Tarikh : 14 Julai 2016

Tandatangan :

Nama : Fatimah binti Rajak

No Matrik : 1122530

Alamat : F01-01 Kwarters Institusi

Pendidikan Jempol,

72120 Bdr Seri Jempol,

Negeri Sembilan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan rendah hati saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan hidayat Nya maka dapat saya menyiapkan tugas latihan ilmiah yang telah diamanahkan kepada saya dengan jayanya mengikut peruntukan masa yang telah ditetapkan. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia latihan ilmiah saya Puan Suzanah bt Selamat kerana di atas kesudian dan kelapangan masa beliau untuk memberi tunjuk ajar, teguran dan pandangan kepada saya dan rakan-rakan seperjuangan dalam menyiapkan tesis ini.

Di sini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Pensyarah-pensyarah USIM yang terlibat dalam pembikinan Latihan Ilmiah ini terutama kepada Dr Ramiaida bt. Darmi dan Dr Noorsaazai bt Mat Saad. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan saya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah memberi peluang dan membiayai sepenuhnya pengajian saya selama empat tahun di Universiti Sains Islam Malaysia ini.

Penghargaan juga kepada semua guru dan murid sekolah yang saya jalankan penyelidikan di atas kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan soal selidik di sana, terutamanya tuan guru besar yang memberi ruang dan peluang untuk saya bertindak mengikut keperluan kajian.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada suami dan anak-anak tercinta kerana banyak membantu serta memberi semangat dalam menghasilkan kajian ini. Tanpa dorongan dan sokongan mereka saya mungkin tidak kuat mengharungi cabaran untuk menyiapkan tugas ini.

Akhir kalam, ucapan syukur tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana mengizinkan saya menimba ilmu hingga ke peringkat ini. Semoga keberkatan ini berpanjangan. Kemaafan dipinta dari semua sekiranya terdapat sebarang kesilapan sepanjang proses menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih wassalam...

## ABSTRAK

Dalam konteks pendidikan, penguasaan murid terhadap Jawi sering menjadi satu topik perbincangan untuk melihat perkembangan penguasaan Jawi pada masa kini. Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengetahui apakah faktor yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai Pelajaran Jawi. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau apakah cara untuk mengatasi faktor permasalahan ketidakupayaan murid menguasai Pelajaran Jawi. Sampel kajian adalah seramai 30 orang murid Tahun 3 yang mana melibatkan 16 orang lelaki dan 14 orang perempuan. Guru Pendidikan Islam juga terlibat di dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik, dokumen analisis, temubual dan pemerhatian. Instrumen soal selidik, data yang diperolehi dianalisa secara statistik diskriptif yang menjuruskan kepada huraian kekerapan dan peratus. Ianya diterjemahkan dalam bentuk jadual. Instrumen temubual dianalisis dalam bentuk tema dan instrumen pemerhatian pula dianalisis melalui senarai semak yang telah ditentukan kriterianya. Dapatan kajian menunjukkan ketidakupayaan murid menguasai jawi bukanlah disebabkan oleh satu pihak sahaja namun ianya melibatkan sikap murid, amalan PdP guru, persekitaran murid dan juga daripada pihak ibu bapa sendiri. Dapatan kajian juga menunjukkan beberapa usaha yang perlu dilakukan untuk mengatasi faktor permasalahan ini. Diakhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang tertentu serta cadangan kajian lanjutan turut disarankan bagi penyelidikan pada masa hadapan.

## ABSTRACT

As for education, the students' ability in using the Jawi has always been an issue in observing the performance of Jawi writing in this era. The aim of this is to find the factors affecting the students' inabilities to master Jawi. Besides, it is also done to search on the ways to overcome those factors. 30 students of Standard 3 are selected for this research, consisting of 16 male students and 14 female students. Islamic Knowledge teachers (Guru Pendidikan Islam) are also involved in this research. The instruments used are questionnaire, document analysis, interview and observation. The data from questionnaire are statistically analysed in the form of frequency and percentages. The analysed data are then presented in the form of table. Data from questionnaire are analysed in the form of theme and observation's data are analysed in the form of checklist with its own criteria. The results showed that the students' inabilities to acquire Jawi are not affected by one party only. In fact it is greatly affected by many factors such as the students' behaviours, learning sessions in classroom, the students' surrounding and parental roles. Towards the end of the research, the researcher proposed several suggestions to different parties and also for future researches.

## SENARAI ISI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK.....	i
PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT.....	v
KANDUNGAN.....	vi
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
SINGKATAN.....	xiii
 <b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 PENDAHULUAN.....	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH.....	3
1.3 PERNYATAAN MASALAH.....	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN.....	8
1.5 PERSOALAN KAJIAN.....	9
1.6 KERANGKA KONSEPTUAL.....	9
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN.....	10
1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN.....	11
1.9 DEFINISI OPERASIONAL.....	12
1.10 RUMUSAN .....	14
 <b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 PENGENALAN.....	15
2.2 SEJARAH PERKEMBANGAN JAWI.....	17
2.3 PANDANGAN TENTANG KEPENTINGAN MENGUASAI JAWI.....	24
2.4 USAHA MEMARTABATKAN JAWI.....	26
2.5 TEORI BERKAITAN .....	30

2.6 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU.....	32
2.7 RUMUSAN.....	37
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	
3.1 PENGENALAN .....	38
3.2 REKA BENTUK KAJIAN.....	39
3.3 LOKASI KAJIAN.....	41
3.4 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN.....	42
3.5 KAEDAH KAJIAN DAN PENGUMPULAN DATA.....	43
3.6 PROSEDUR PENYELIDIKAN.....	45
3.7 INSTRUMEN KAJIAN .....	47
3.7.1 Dokumen Analisis.....	47
3.7.2 Soal Selidik Responden.....	48
3.7.3 Temubual.....	51
3.7.4 Pemerhatian.....	53
3.8 DATA ANALISIS.....	53
3.9 RUMUSAN.....	55
<b>BAB 4 ANALISIS DATA</b>	
4.1 PENGENALAN.....	56
4.2 HASIL KAJIAN DOKUMEN ANALISIS.....	58
4.3 HASIL KAJIAN SOAL SELIDIK.....	60
4.3.1 Soal Selidik Responden.....	60
4.3.1.1 Demografi Redponden.....	61
4.3.1.2 Pesepsi Murid Tentang Pelajaran Jawi.....	67
4.3.1.3 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi dari sudut diri sendiri.....	73
4.3.1.4 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi dari sudut persekitaran sekolah.....	79
4.3.1.5 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi dari sudut luar kawasan sekolah.....	83
4.3.2 Soal Selidik Guru Pendidikan Islam (GPI).....	90
4.3.2.1 Demografi Guru Pendidikan Islam (GPI).....	91
4.3.2.2 Pesepsi Guru Terhadap PdP Pelajaran Jawi.....	95

4.3.2.3 Permasalahan Amalan PdP Pelajaran Jawi.....	101
<b>4.4 HASIL KAJIAN TEMUBUAL</b>	
4.4.1 Temubual Murid.....	107
4.4.2 Temubual Guru Pendidikan Islam.....	110
4.4.3 Temubual Penjaga.....	116
<b>4.5 HASIL KAJIAN PEMERHATIAN</b>	
4.5.1 Pemerhatian Murid.....	119
<b>4.6 RUMUSAN.....</b>	<b>121</b>
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
<b>5.1 PENGENALAN.....</b>	<b>123</b>
<b>5.2 RINGKASAN KAJIAN.....</b>	<b>123</b>
<b>5.3 RUMUSAN HASIL KAJIAN.....</b>	<b>125</b>
5.3.1 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi Dari Sudut Diri sendiri.....	125
5.3.2 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi Dari Sudut Persekitaran Sekolah.....	126
5.3.3 Permasalahan PdP Pelajaran Jawi Dari Sudut Luar Kawasan Sekolah. ....	127
5.3.4 Permasalahan Amalan PdP Pelajaran Jawi.....	128
5.3.5 Faktor Yang Menyebabkan Kelemahan Pelajaran Jawi.....	129
5.3.6 Cara Yang Patut diusahakan untuk Mengatasi Kelemahan Jawi.....	130
<b>5.4 IMPLIKASI KAJIAN.....</b>	<b>131</b>
<b>5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN.....</b>	<b>134</b>
<b>5.6 RUMUSAN.....</b>	<b>135</b>
<b>RUJUKAN .....</b>	<b>136</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>	<b>139</b>

## SENARAI JADUAL

### JADUAL

3.1 Jadual carta alir proses mendapat mendapat maklumat kajian.....	49
3.2 Skor dan persetujuan terhadap pernyataan item bagi murid .....	50
3.3 Skor dan persetujuan terhadap pernyataan item bagi guru.....	50
3.4 Jadual langkah temubual.....	52
3.5 Jadual langkah pemerhatian.....	53
4.1 Taburan keputusan Pelajaran Jawi Peperiksaan Akhir Tahun 2015.....	58
4.2. Taburan keputusan Pelajaran Jawi Ujian Bulan Mac 2016.....	59
4.3. Taburan responden mengikut jantina.....	61
4.4. Taburan penjaga responden.....	62
4.5. Taburan jarak rumah responden ke sekolah.....	63
4.6. Taburan cara responden pergi ke sekolah.....	64
4.7. Taburan ahli keluarga yang bekerja.....	65
4.8. Taburan pendapatan keluarga.....	66
4.9. Taburan responden menurut minat mempelajari Pelajaran Jawi.....	67
4.10. Taburan responden menurut peringkat pendidikan mula mempelajari Jawi.....	68
4.11. Taburan responden mengikut masa mengulangkaji Jawi seminggu .....	69
4.12. Taburan kekerapan ahli keluarga terdekat yang pelajari Pelajaran Jawi.....	70
4.13. Taburan responden mengikut tujuan mempelajari Pelajaran Jawi.....	71
4.14. Taburan responden berkaitan sebab merasakan menulis Jawi susah.....	72
4.15. Bilangan kekerapan dan peratusan masalah responden dalam PdP Pelajaran Jawi.....	74
4.16. Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan permasalahan PdP dari sudut persekitaran sekolah.....	79

4.17. Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan dengan kerja rumah.	83
4.18. Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan peranan ibu bapa dalam pembelajaran Jawi di rumah .....	87
4.19. Taburan responden (Guru Pendidikan Islam) mengikut jantina.....	91
4.20. Taburan kelulusan tertinggi responden.....	92
4.21. Taburan Pengalaman Responden Mengajar Pelajaran Jawi.....	93
4.22. Taburan jenis aliran yang diajar responden.....	94
4.23. Taburan responden menurut minat mengajar Pelajaran Jawi.....	95
4.24. Taburan menerima latihan mengajar dalam mata pelajaran Jawi.....	96
4.25. Taburan responden mula mempelajari Jawi.....	97
4.26. Taburan jumlah masa pengajaran Pelajaran Jawi dalam seminggu.....	98
4.27. Taburan tujuan responden mengajar Pelajaran Jawi.....	99
4.28. Taburan sebab kesukaran murid menulis Jawi.....	100
4.29. Bilangan kekerapan dan peratusan responden berkaitan permasalahan dalam amalan PdP Pelajaran Jawi.....	101
4.30. Soalan Temubual Responden.....	107
4.31. Taburan soalan temubual Guru Pendidikan Islam.....	110
4.32. Taburan soalan temubual kepada penjaga.....	116
4.33. Taburan borang senarai semak pemerhatian.....	119

## SENARAI RAJAH

### RAJAH

1.1. Model kajian Tindakan Kemmis & MC Taggart (1988).....	9
2.1. Model kajian Tindakan Kemmis & MC Taggart (1988).....	30
3.1. Reka bentuk kajian.....	40

## SENARAI LAMPIRAN

1	LAMPIRAN 1(Surat Kebenaran Sekolah)	
2	SOALAN TEMUBUAL ( GPI).....	139
3	SOALAN TEMUBUAL ( PENJAGA).....	140
4	SOALAN TEMUBUAL ( RESPONDEN ).....	141
5	SENARAI SEMAK PEMERHATIAN.....	142
6	BORANG SOAL SELIDIK RESPONDEN.....	143
7	BORANG SOAL SELIDIK ( GPI ) .....	150

## SENARAI SINGKATAN

- a. KBSR : Kurikulum Baru Sekolah Rendah.
- b. KAP : Kelas Agama Petang.
- c. j-Qaf : Jawi- al-.Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain.
- d. GPI : Guru Pendidikan Islam.
- e. GBA : Guru Bahasa Arab
- f. KCJ : Kem Kecemerlangan Jawi
- g. PPK : Pusat Perkembangan Kurikulum
- h. PdP : Pengajaran dan Pembelajaran

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1. PENGENALAN**

Tulisan Jawi adalah salah satu daripada warisan bangsa Melayu yang perlu dipertahan dan dipelihara. Pada suatu ketika dahulu, tulisan jawi menjadi salah satu medium penyampaian ilmu dalam kalangan umat Islam di Nusantara. Selain sebagai medium penyampaian ilmu, tulisan jawi juga digunakan bagi menyelesaikan urusan harian seperti jual beli, undang-undang, politik dan perhubungan antarabangsa.

Tulisan dan bacaan Jawi telah dipelajari di sekolah semenjak tahun 1957 lagi. Perubahan demi perubahan dalam corak pengurusannya berlaku dalam tahun 1964 yang mana ianya menjadi mata pelajaran pilihan di sekolah. Pada tahun 1972, ianya menjadi sebahagian mata pelajaran Bahasa Melayu. Pelajaran Jawi diajar dalam waktu Pendidikan Islam dengan disediakan sukatan berasingan apabila KBSR dilaksanakan pada tahun 1983. Pelajaran Jawi telah diberi nafas baru pada era pemerintahan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mula memperkenalkan program j-Qaf di setiap sekolah-sekolah rendah yang antara lainnya adalah bertujuan untuk memantapkan Pelajaran Jawi.

Selain itu, pelaksanaan Kelas Agama Petang (KAP) yang melibatkan Tahun 1 hingga Tahun 5 telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada tahun 2005. Salah satu objektif penubuhannya adalah untuk memastikan semua murid Islam yang berumur 7 – 11 tahun menguasai jawi dengan baik. Semua mata pelajaran yang diajar di KAP menggunakan tulisan jawi . Soalan peperiksaan dalam tulisan jawi dan murid juga perlu menjawab soalan dalam tulisan jawi.

Usaha di atas membuktikan kecintaan kita kepada tulisan jawi memang jelas dan nyata, tidak perlu dipertikaikan lagi. Sebagai seorang Melayu yang beragama Islam, kita pasti ingin mempertahankan jati diri dan identiti bangsa yang bermaruah serta mempunyai prinsip dan keperibadian yang jelas. Sebagai seorang Islam , tidak syak lagi kita ingin mendekati diri kepada sumber ajaran Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Begitu juga kita ingin tergolong dalam golongan umat Islam secara lebih bermakna. Kesemua keinginan itu akan tercapai dengan menghayati tulisan jawi. Jika kita tidak mengatasi kelemahan penguasaan jawi di kalangan murid pada hari ini, maka identiti dan maruah bangsa Melayu akan lenyap dan yang paling membimbangkan lagi generasi muda akan tersasar jauh daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Namun demikian, Arus pemodenan dalam pendidikan sedikit sebanyak membawa kepada masalah dalam Pelajaran Jawi. Ramai dikalangan murid Islam mempelajari Pelajaran Jawi tetapi tidak menguasai dalam pembacaan dan penulisan Jawi. Masalah ini membawa kesan kepada pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah kerana buku teks dicetak sepenuhnya dalam tulisan jawi. Ketidakupayaan murid dalam menguasai pelajaran Jawi akan menyebabkan mereka tidak

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1. PENGENALAN**

Kajian tentang Penguasaan Jawi semakin banyak dikaji oleh para penyelidik samada diperingkat ijazah, master atau phd. Penulisan tentang perkara ini ditulis dalam bentuk jurnal, kajian tindakan, kajian ilmiah dan tesis. Kepentingannya adalah untuk melihat perkembangan penyelidikan dan hasil penulisan para penyelidik tentang satu-satu kajian sama ada dari segi tahap penguasaan, kaedah pengajaran baru yang lebih berkesan, permasalahan jawi dan sebagainya.

Pada dasarnya, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencari punca yang menyebabkan murid tidak dapat menguasai jawi. Ianya juga bertujuan untuk mencari cara yang sesuai untuk mengatasi punca permasalahan tersebut. Tidak dinafikan, bukan semua murid bernasib baik dalam pembelajaran. Ada yang cemerlang dan masih ada kedapatan murid yang keciciran dalam pembelajaran. Begitu juga hal yang berlaku dalam Pelajaran Jawi.

Ketidakpenguasaan murid dalam Pelajaran jawi telah mendapat perhatian dari para penyelidik. Pelbagai masalah dan faktor yang telah ditemui dalam kajian mereka yang mendorong kepada penyelidik untuk meneruskan kajian berkaitan dengan permasalahan jawi. Penyelidik merasakan perlu masalah ini

dikaji disebuah sekolah di kawasan Jempol untuk mencari punca dan jalan penyelesaiannya. Adakah ianya ada ketitiksamaan antara kajian yang lepas dengan kajian yang akan dijalankan. Menurut pandangan Ibnu Khaldun, pendidikan manusia sangat berkait rapat dengan dirinya dan kehidupan sosial di sekitarnya. Entwistle & Ramsden (1983) pula menyatakan terdapat bukti mengenai pendekatan pembelajaran dapat mewujudkan budaya belajar seseorang murid dengan persepsi murid itu terhadap persekitaran pembelajaran dan kualiti hasil pembelajaran.

Penyelidik tertarik dan berpegang kepada Mafhum hadith: Rasulullah bersabda....

*“Setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi<sup>1</sup>.”*

Hadith ini menerangkan bahawa fitrah manusia tidak akan berkembang tanpa dipengaruhi oleh didikan ibu bapa dan persekitarannya. Berlakunya pergabungan ini, maka perkembangan manusia akan meningkat dari semasa ke semasa. Begitulah juga dalam pendidikan. Penyelidik cuba mengkaji tentang faktor persekitaran murid di sekolah dan di rumah untuk mencari punca berlakunya permasalahan dalam Pelajaran Jawi.

Berdasarkan kepada maklumat di atas, dalam bab ini penyelidik cuba menyentuh serba sedikit berkenaan sejarah perkembangan jawi, pandangan tentang kepentingan jawi, usaha memantapkan jawi, teori yang sesuai dengan

---

<sup>1</sup> 4 Ibn Khaldun. (1930). Muqaddimah m s : 123. Lihat : Imam ibn Hajr al-‘Asqalani, Fath al-Bari Syarh Sahih al- Bukhari juz 3, dalam Kitab al-Janaiz bab 92 ma qila fi ‘awlad al-musyrikin, nombor hadith.1385 m s : 245-246

## **BAB 3**

### **MEDOTOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Metodologi kajian menurut Kamus Dewan (1999) adalah satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian. Menurut Mohamad Najib (1999) metodologi pula merupakan satu prosedur atau cara untuk mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang sistematik. Justeru dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan metodologi yang akan digunakan dalam melaksanakan kajian ini. Bab ini akan membincangkan bagaimana kajian ini dijalankan iaitu tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah kajian dan pengumpulan data, prosedur penyelidikan, instrument kajian dan data analisis yang digunakan dalam melakukan kajian.

Menyentuh tentang Pelajaran Jawi, kajian yang banyak dilakukan adalah bagaimana hendak memantapkan lagi penulisan jawi. Punca permasalahan yang dihadapi oleh murid mungkin disentuh sedikit sahaja dalam kajian-kajian tersebut. Secara spesifiknya, tiada kajian yang benar-benar menjadikan aspek punca permasalahan dan cara mengatasi punca sebagai satu kajian khusus. Melalui kajian ini, pengkaji cuba untuk menjawab persoalan –persoalan kajian yang berkaitan dengan faktor –faktor yang menyebabkan murid tidak dapat

menguasai jawi. Juga persoalan yang melibatkan apakah cara yang sepatutnya dilakukan untuk mengatasi kepada faktor permasalahan tersebut.

Melalui bab ini penyelidik akan menerangkan langkah-langkah bagaimana kajian tersebut dijalankan. Antara aspek-aspek yang dibincangkan ialah reka bentuk kajian yang digunakan, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, kaedah kajian dan pengumpulan data, prosedur kajian, instrument kajian yang dijalankan, data analisis dan rumusan keseluruhan terhadap kaedah penyelidikan yang dijalankan.

### **3.2. REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian direka untuk meninjau dan melihat tahap penguasaan Pelajaran Jawi di kalangan murid sekolah rendah. Menurut pandangan Alias (1999), penyelidikan terhadap kajian yang dibuat oleh penyelidik merupakan satu cara untuk menyelesaikan masalah melalui perancangan kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan pentafsiran data secara bersistematik. Manakala Mohd. Najib (2000) pula berpendapat bahawa bagi memperolehi keputusan yang sah dan boleh diterima nilai kebolehpercayaannya sesuatu kajian adalah bergantung kepada kaedah kajiannya.

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji punca ketidak upaya murid dalam Pelajaran Jawi dan cara mengatasi kepada punca tersebut. Ini adalah satu cara untuk menunaikan tanggungjawab bagi merealisasikan

## **BAB 4**

### **ANALISA DAN DAPATAN DATA.**

#### **4.1: PENGENALAN**

Bab ini akan membentangkan dapatan data berdasarkan kepada instrumen kajian yang telah digunakan iaitu Dokumen Analisa, Soal Selidik (responden dan guru), temu bual dan pemerhatian. Keputusan kajian akan dianalisis dalam empat bahagian seperti berikut:

Bahagian 1: Dokumen Analisa – Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun dan Keputusan Ujian bulan Mac.

Bahagian ini merangkumi perkara:

- a) Pencapaian keseluruhan ujian dan peperiksaan mengikut gred.

Bahagian 2: Analisa Soalan Soal Selidik

- i. Responden
- ii. Guru Pendidikan Islam

Bahagian soal selidik responden ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Maklumat latar belakang responden.
- b) Resepsi murid terhadap Pelajaran Jaw.
- c) Permasalahan Pembelajaran dan Pengajaran Pelajaran Jawi dari sudut responden.

- d) Permasalahan Pembelajaran Pelajaran Jawi dari sudut persekitaran sekolah
- e) Permasalahan Pembelajaran Pelajaran Jawi dari sudut luar kawasan sekolah

Bahagian ini terbahagi kepada dua sudut iaitu:-

- i. Dari sudut kerja rumah/penyemak buku latihan dan pembetulan ujian.
- ii. Dari sudut peranan ibubapa.

Bahagian soal selidik guru Pendidikan Islam merangkumi perkara-perkara berikut:-

- a) Maklumat latar belakang guru Pendidikan Islam.
- b) Persepsi guru terhadap pengajaran Pelajaran Jawi.
- c) Permasalahan amalan pengajaran dan pembelajaran Pelajaran Jawi.

Bahagian 3: Huraian temubual

- i. Responden
- ii. Guru Pendidikan Islam
- iii. Permasalahan amalan pengajaran dan pembelajaran Pelajaran Jawi

Bahagian temu bual responden merangkumi:

- a) Maklumat pembelajaran Pelajaran Jawi

Bahagian temubual dengan guru Pendidikan Islam merangkumi:-

- a) Faktor-faktor murid lemah dalam Pelajaran Jawi.
- b) Cara yang patut diusahakan agar murid baik dalam Pelajaran Jawi.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

#### **5.1. PENGENALAN**

Hasil analisis dan dapatan-dapatan kajian telah dihuraikan dalam bab empat. Manakala dalam bab ini pula sebagai penutup tirai akan menjawab berkenaan persoalan kajian beserta rumusan terhadap soalan-soalan kajian tersebut, memberikan ringkasan kajian, membincangkan dapatan-dapatan data, memberi kesimpulan dapatan kajian, membincangkan implikasi dapatan-dapatan kajian dan mencadangkan kajian lanjutan. Penyelidik juga mengemukakan beberapa cadangan sebagai tindakan susulan kepada pelbagai pihak sama ada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, pihak sekolah dan guru-guru Pendidikan Islam sendiri.

#### **5.2. RINGKASAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan kaedah soal selidik, temubual dan pemerhatian. Hasil dapatan yang diperolehi daripada 30 orang murid Tahun 3, 12 orang guru Pendidikan Islam dan 3 orang penjaga sebagai

sampel dalam kajian ini. Dua set barang soal selidik yang digunakan iaitu satu set untuk murid dan satu set untuk guru. Set untuk murid mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi demografi murid sebanyak 6 soalan dan persepsi murid terhadap pelajaran Jawi sebanyak 7 soalan. Bahagian B adalah permasalahan murid dalam pelajaran jawi dari sudut diri sendiri sebanyak 11 soalan, dari sudut persekitaran sekolah sebanyak 10 soalan dan dari sudut luar kawasan iaitu mengenai kerja rumah, penyemakan buku latihan dan pembetulan jawi sebanyak 7 soalan manakala mengenai peranan ibu bapa 8 soalan. Set soalan untuk guru pula terdiri daripada 2 bahagian sahaja. Bahagian A mengandungi terdiri daripada demografi guru sebanyak 4 soalan dan persepsi guru terhadap pengajaran Jawi sebanyak 6 soalan. Bahagian B pula sebanyak 10 soalan yang berkaitan dengan permasalahan amalan pengajaran dan pembelajaran Pelajaran Jawi. Penyelidik juga menyediakan 3 set soalan temubual, yang mana setiap satu untuk guru Pendidikan Islam mengandungi 3 soalan. Borang murid mengandungi 7 soalan dan penjaga pula 7 soalan. Borang senarai semak pemerhatian murid juga disediakan dan mengandungi 6 item.

Sampel kajian adalah terdiri daripada murid-murid Tahun 3 yang sedang belajar di sebuah sekolah dalam daerah Jempol. Sebanyak 30 set soalan telah diedarkan kepada murid dan dikembalikan dengan lengkap oleh respon pada kadar 100 peratus. Begitu juga soal selidik yang diedarkan pada 12 orang guru. Kesemua data yang diperolehi telah dianalisis secara statistik diskriptif yang menjurus kepada huraian kekerapan dan peratus.

## RUJUKAN

1. Abdul Halim Tamuri et al. (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam keatas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan JAPIM.
2. Alias Baba.1999, *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Asmawati Suhid dan Lukman Abdul Mutalib (2008). *Model kelas Pemulihan Jawi: SatuPenilaianUmum*. Kertas Seminar JPPG.
4. Asraf Ridwan & Burhanundin Abdullah. 2014. *Kaedah Transliterasi Beraneka : Satu Inovasia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Jawi*. Seminar Antarabangsa Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Keningau.
5. Asraf Ridwan Ali & Burhanundin Abdullah. 2015. *Falsafah Pendidikan Jawi dalam Memperkasakan Tamadun Islam di Malaysia*.
6. Azizah binti Ismail. 2000. *Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar UPM*. Tesis Ijazah Master Sastera Mei 2000.
7. Balkhis Lebai Mat (1987). *Pencapaian pelajaran agama islam di sekolah-sekolah menengah berasrama penuh; satu kajian di SMKA Selangor dan SMKA al-mashoor (L) Pulau Pinang*. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. Chua, Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan Shah Alam*. McGraw Hill.
9. Dato' Mohd Mokhtar Shafii. *Pelaksanaan Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan Malaysia*. Jurnal Pendidikan Islam Jilid 9 (bil 2)
10. Haji Abdullah Ishak. 1980. *Tulisan Jawi Dan Hubungannya dengan Pelajaran dan Pendidikan Islam di Malaysia*. Hlm 185-186
11. Haji Ahmad Fauzi Hj Murad, Ahmad Tarmizi Talib. 2017. *Tamadun Islam*. Universiti Putra Malaysia Serdang
12. Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
13. Mahizar bin Hamzah. *Modul KRL 3033 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah* .UPSI
14. Mohammad Yasir Jaafar. 2010. Utusan N9. Utusan.Com.My. Arkib
15. Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan Cetakan Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

16. Mohd Majid Konting.2005.*Kaedah Penyelidikan Pendidikan Selangor*.  
Perpustakaan Negara Malaysia.
17. Mohd Yusof Ahmad.2002. *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya
18. Muhamad Muda.2003. *Apakah itu Kajian Kes?* Kertas Kerja Bengkel Penyelidikan dan Penulisan Kes Siri 1, Universiti Sains Islam.
19. Muhammad Dukhan Lubis. 2012. *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia*.Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi 2012 Peringkat Kebangsaan ,Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
20. Muslimah Sejati.2011. *Isu Pelajaran Jawi dan Permasalahannya*, abidah 9116, blogspot.my
21. Mustapha Yazid.1991. *Penguasaan Jawi di Kalangan Murid Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. Satu Kajian Khusus di Daerah Kota Bharu*.Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.
22. Nazimah binti Mohamad@ Mohd Noor.2013.*Penggunaan Modul Pembelajaran Kemahiran Jawi*.Tesis , Universiti Teknologi Malaysia.
23. Nik Rosila Nik Yaacob.2007. *Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam*. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,USM.
24. Noraini Idris.2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan Edisi Kedua*. Mc Graw- Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.Selangor
25. Norhana bt Hj.Abdullah.1999. *Penguasaan Menulis Jawi Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Sekolah menengah Di Negara Brunei*. Kertas Projek Sarjana.Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
26. Norina Mohd Nor.2011. *Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca Ejaan Jawi Murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Darau*. Tesis Fakulti Pendidikan dan Bahasa , Open UniversityMalaysia Kuala Lumpur. Ms 9-10
27. Prof.Dr..Abd Jalil bin Borhan.2012.*Tulisan Jawi:tulisan Serantau*.Kertas kerja ucaptama Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012.Dewan Astaka,Universiti Malaysia Pahang.
28. Sabariah binti Bahrin.2011.*Perkembangan Tulisan Jawi di Malaysia*. Prosiding Onferensi Antarabangsa Islam Borneo,Universiti Mulawarman,Indonesia.
29. Siti Fatimah Saufee.2006. *Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Murid-Murid Tahap Satu di Sekolah Rendah di Daerah Meradong*. Seminar

Penyelidikan Pendidikan Institusi Perguruan Rajang Bintangor,  
Serawak.

30. Utusan Online, *Pensyarah Korea Bimbang Tulisan Jawi Semakin*

*Dilupakan.* Arkib.29/01/2012.